

Isnin

19 Februari 2018



**MALAYSIA**

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 19 Februari 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 Petang**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

**LANTIKAN BAHARU**

- Yang Berhormat Dato' Ong Chong Swen @ Ong Chong Siew

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbangsa Cina, saya harap tidak terlambat bagi saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina.

Kepada Yang Berhormat Dato Ong Chong Swen @ Ong Chong Siew saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara.

Pelantikan ini oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong memberi peluang baru kepada Yang Berhormat untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara melalui institusi legislatif yang tertinggi di negara ini. Saya berharap Yang Berhormat akan memainkan peranan yang aktif dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini demi kepentingan masyarakat dan negara.

Saya juga yakin bahawa Yang Berhormat akan memberi sumbangan yang bermakna terhadap konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Dalam pada itu, saya juga percaya Yang Berhormat akan mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat serta memberi nafas kepada prinsip-prinsip piagam Rukun Negara seperti yang saya sentiasa tekankan, demokrasi adalah konsep yang indah di mana keindahannya terbina atas landasan-landasan yang kukuh iaitu tingkah laku yang beradab dan bersopan, pemikiran yang terbuka dan rasional, serta keperibadian yang tinggi dan mulia. Sesungguhnya landasan inilah yang menjiwai dan menghidupkan ketamadunan manusia.

Selain daripada itu, sebagai anggota institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di kaca mata masyarakat, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu sentiasa berusaha gigih ke arah menambahkan ilmu demi mempertingkatkan lagi mutu perdebatan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sifat yang mulia inilah yang tentu akan memperkasakan lagi imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Maka dengan kata-kata itu, selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini... *[Tepuk]*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 02.38 petang]***